

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 01 JANUARI (RABU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Unjur perolehan RM33j	Harian Metro
2	Keadaan di Sarawak kini semakin pulih	Utusan Malaysia
3	Penduduk di kawasan rendah perlu bersiap sedia	Utusan Malaysia
4	Mavcap treats children to fun-filled day	New Straits Times

# Unjur perolehan RM33j

■ MyMS optimis capai sasaran didorong produk baru cip pintar Mikron-0.18 dipasarkan ke Eropah Mac ini

Oleh Sharifah Norfaezah  
Wan Ahmad Makki Mashor  
norfaezah@mediapri-  
ma.com.my  
**Cyberjaya**

**M**alaysia Microelectronic Solutions Sdn Bhd (MyMS), pereka bentuk cip pintar tempatan mengunjurkan perolehan sekurang-kurangnya RM33 juta (AS\$10 juta) menjelang akhir tahun 2014 didorong produk baru cip pintar Mikron-0.18 yang dipasarkan ke Eropah pada Mac ini.

Cip pintar mikron itu dicipta bagi kegunaan aplikasi kad pengenalan diri, kad ro-yalti, kad insurans dan sebagainya khusus di 17 negara yang menerima eksport kumpulan itu.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Shafiq Akmal Ismail berkata, ia adalah produk dihasilkan secara keseluruhan di peringkat tempatan termasuklah sistem operasi cip pintar tersebut.

"Ia produk pertama cip pintar berasaskan teknologi 0.18 mikron dicipta pemain industri Malaysia dan kami



**"Kami bangga jadi organisasi Bumiputera cipta harta intelektual (IP) dan paten sendiri"**  
Shafiq Akmal

bangga menjadi organisasi Bumiputera yang mencipta harta intelektual (IP) dan paten sendiri. Ia bakal menggantikan produk cip pintar Mikron-0.25 sedia ada yang dipasarkan syarikat di pasaran.

Dengan sokongan Malaysian Technology Development Corporation Sdn Bhd (MTDC) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi MOSTI, kita membelanjakan RM10 juta bagi menggunakan teknologi ini yang mempunyai permintaan

tinggi di pasaran," katanya kepada Bisnes Metro, semalam.

Beliau berkata, MyMS optimis mencapai sasaran jualan 20 juta unit cip pintar setahun apabila kerjasama dan keyakinan pelabur luar terhadap produknya sudah ada dan ditambah dengan sokongan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) bagi pemasaran luar negara.

Katanya, pihaknya tidak

terikat dengan perbelanjaan tinggi dalam pembangunan cip pintar yang berteknologi tinggi berdasarkan penambahbaikan teknologi, IP dan paten sedia ada yang dibangunkan 100 peratus juruterma syarikat di Malaysia.

"Kita bukan hanya satu-satunya pemain industri Bumiputera dalam bidang rekaan cip pintar, malah satu-satunya di pasaran anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) yang rata-rata dikuasai syarikat Eropah. Kini, teknologi Mikron-0.18 95 peratus siap," katanya.

Selain itu, pihaknya turut mengunjurkan pengeluaran cip pintar berasaskan pensijilan European Mastercard Visa (EMV65) dengan kerjasama Malaysian Industrial Development Authority (MIDA) dalam tempoh dua tahun dari sekarang dengan modal perbelanjaan (CAPEX) kurang RM40 juta, menjadikan pihaknya di antara enam syarikat menghasilkan produk sama di dunia.

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 26**  
**TARIKH: 01 JANUARI 2014 (RABU)**

## Keadaan di Sarawak kini semakin pulih

KUCHING 31 Dis. - Keadaan banjir di negeri ini dilaporkan semakin pulih hari ini apabila jumlah mangsa ditempatkan di pusat pemindahan berkurangan kepada 217 orang berbanding 314 orang semalam.

Setiausaha Majlis Keselamatan Negara (MKN) negeri, Addyhanis Ahamad berkata, bahagian yang semakin pulih adalah Bintulu, Miri, Marudi dan Bau.

Katanya, jumlah mangsa yang ditempatkan di pusat pemindahan banjir turut menunjukkan penurunan seramai 97 orang.

“Cuaca hari ini bertambah baik dan kami telah membenarkan mangsa banjir pulang ke rumah masing-masing selepas mengenal pasti lokasi rumah mereka tidak dinaiki air.

“Dalam masa sama, kawasan yang dilanda banjir di Bintulu telah kembali pulih hari ini,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Dalam pada itu, Addyhanis menasihatkan mangsa banjir supaya sentiasa berwaspada dan mengambil langkah berjaga-jaga bagi menghadapi gelombang kedua banjir.

Katanya, penduduk yang menetap di kawasan rendah perlu sentiasa peka dan segera berpindah ke pusat pemindahan tanpa perlu menunggu arahan atau bantuan daripada pasukan penyelamat.

Sementara itu, **Jabatan Meteorologi** menerusi laman sesawang memaklumkan, cuaca di Betong, Bintulu, Kuching, Mukah, Samarahan, Sibu dan Sri Aman diramalkan hujan di satu dua tempat sehingga tengah malam ini.

Katanya, mulai esok sehingga Isnin minggu depan pula diramal akan berlaku ribut petir di satu dua tempat pada sebelah petang.

**KERATAN AKHBAR  
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 26  
TARIKH: 01 JANUARI 2014 (RABU)**

## Penduduk di kawasan rendah perlu bersiap sedia

SIMUNJAN 31 Dis. - Penduduk yang tinggal di kawasan rendah terutama berdekatan dengan sungai dinaisihat supaya tidak panik, sebaliknya bersiap sedia menghadapi kemungkinan berlaku banjir.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Nancy Shukri berkata, persediaan harus dilakukan kerana hujan lebat yang berterusan sejak seminggu lalu manakala paras air sungai dilaporkan mula meningkat.




**NANCY SHUKRI**

Beliau berkata, meskipun keadaan di seluruh negeri ini masih terkawal dan belum ada kawasan yang ditenggelami air namun penduduk dinaisihat supaya bersiap sedia.

"Penduduk dinaisihat supaya sentiasa memberi kerjasama kepada pihak berkuasa sekiranya diarah berpindah untuk mengelak kejadian tidak diingini."

"Walau bagaimanapun, penduduk tidak perlu bimbang kerana pasukan keselamatan dan sukarelawan daripada pelbagai agensi dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO)



**GAMBAR** yang dirakamkan dari udara menunjukkan Kampung Paroh di Kuching dinaiki air selepas paras air Sungai Sarawak melepas tebing sejak pukul 5 petang, semalam.

sudah bersedia sepenuhnya untuk menghadapi musim tengkujuh," katanya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Sadong Jaya berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui semasa membuat tinjauan banjir di sini hari ini.

Kira-kira 300 penduduk di sekitar Kampung Hijrah, Kampung Nanas dan Jalan Sabun terjejas setelah rumah mereka dinaiki air setinggi satu meter pagi ini.

Nancy turut mengingatkan penduduk yang tinggal di kawasan banjir agar berwaspada dengan

amaran hujan lebat yang dikeluarkan oleh **Jabatan Meteorologi** dari semasa ke semasa.

Katanya, mangsa banjir juga diingatkan supaya membawa bersama dokumen penting dan keperluan asas peribadi semasa berada di pusat pemindahan.

# Mavcap treats children to fun-filled day

**HOLIDAY TRIP:** It was the first Putrajaya visit for many of the Pusat Jagaan Rumah Kesayangan children

PUTRAJAYA  
streets@nst.com.my

**R**ISING in the festive cheer of the school holidays, Malaysia Venture Capital Management Bhd (Mavcap) recently treated 30 children aged four to twelve from Pusat Jagaan Rumah Kesayangan to a tour of Putrajaya.

It was an exciting trip for the children, as it was the first visit there for many of them.

Accompanied by their caretakers and Mavcap staff, the first stop of the day was Perdana Putra, also known as the Prime Minister's Office, one of the many attractions in the city.

After that, it was off to Putra Mosque, where they were mesmerised by the beauty of the famed mosque.



The kids were thrilled to go on the Putrajaya Lake Cruise.

Then it was time for highlight of the day, as the children were whisked off to the heart of the city, Putrajaya Lake.

At the lake, the kids were surprised with an



Mavcap staff and the children of Pusat Jagaan Rumah Kesayangan started off their exciting trip to Putrajaya at Perdana Putra.

exhilarating tour on the Putrajaya Lake Cruise.

They immensely enjoyed the leisure cruise, as well as the breathtaking views of Putrajaya and its various landmarks.

Mavcap chief executive officer Jamaludin Bujang said: "It gives us great pleasure to see the children enjoying themselves and we are glad to be able to give them a treat for the school holidays.

"As part of our annual corporate social responsibility efforts, we always look forward to

opportunities like this.

"Spending quality time with these wonderful kids warms our hearts every time and we hope the children had a memorable day with this fun-filled experience."

After their exciting day, the children were taken to McDonald's Alamanda for a scrumptious lunch. As the cherry on top, Mavcap also presented Pusat Jagaan Rumah Kesayangan with gift vouchers for electrical goods.

The day ended on a high note as everyone headed home with a big smile on their face.